

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**Februari 2000**

**HTV 201 – Teknik Berfikir**

**[Masa: 3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI DUA [2] BAHAGIAN, BAHAGIAN ‘A’ DAN BAHAGIAN ‘B’, DAN LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **SATU [1]** soalan dari setiap Bahagian.

[Sila **cataatkan** dengan jelas nama PENSYARAH/TUTOR yang mengendalikan tutorial anda di sudut kiri bahagian atas buku jawapan anda.]

**Bahagian A:**

1. Rakan anda telah mengalami kemalangan yang menyebabkan dia tidak dapat menggunakan sebelah daripada kakinya dan terpaksa bergerak dengan bantuan tongkat. Dia telah mengikuti pengajian semula di universiti ini pada semester ini tetapi mendapati dirinya terpaksa tidak hadir kuliah dan tutorial beberapa kali kerana masalah pergerakannya. Gunakan pengetahuan yang anda telah perolehi dalam kursus ini untuk membantu rakan anda ini mengatasi masalahnya dengan efisyen dan secara jangka panjang.

**Atau:**

2. Baru-baru ini negara kita telah menjadi penganjur pertandingan perlumbaan Formula Satu. Banyak kritikan dari pelbagai pihak diterima sebelum dan selepas perlumbaan tersebut. Dengan menggunakan kaedah pemikiran Enam Topi Berfikir, bincangkan samada perlumbaan tersebut wajar dianjurkan di Malaysia.

**Bahagian B:**

3. Sistem media tempatan perlu diperbaiki bagi: (A) mempertingkatkan kualiti produknya dan (B) untuk memastikan fungsi sebenarnya terjamin. Dengan menggunakan alat atau topi berfikir yang bersesuaian, sila hasilkan cadangan bagi salah satu perkara di atas.
4. Kejadian tanah runtuh semakin berleluasa di negara kita akibat daripada projek pembangunan yang tidak sistematik. Dengan menggunakan pemikiran kreatif dan analitikal, sila cari jalan untuk mengatasi masalah ini.

5. Sejak akhir-akhir ini, masalah banjir di Pulau Pinang telah menjadi semakin meruncing. Masalah yang satu ketika dulu melanda kawasan sekitar bandar Georgetown sahaja sekarang ini telah merebak ke kawasan-kawasan perbandaran baru seperti Bandar Bayan Baru. Hal ini bukan saya menimbulkan bebanan kepada penduduk yang terlibat, ia juga boleh menjelaskan imej Pulau Pinang di mata dunia. Walaupun masalah banjir ini telah bertahun-tahun melanda Pulau Pinang dan berjuta-juta ringgit telah diperuntukan oleh kerajaan untuk menangani masalah ini, masih tidak ada sebarang tanda yang menunjukkan bahawa masalah ini akan berakhir.
  - [ i] Gunakan gaya berfikir yang sesuai untuk menganalisis masalah ini dari berbagai-bagai sudut.
  - [ ii] Kemukakan satu pelan cadangan untuk menangani masalah ini.
6. Menggunakan alat-alat berfikir yang telah anda pelajari, bincangkan dan dapatkan rumusan yang jelas hasil perbandingan antara sistem pengajian universiti empat tahun dengan sistem pengajian universiti tiga tahun.
7. Falsafah pendidikan negara menyatakan ‘Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat’. Melihat kepada senario sekarang bincangkan menggunakan alat-alat berfikir yang sesuai, (a) sejauhmanakah matlamat ini tercapai dan (b) aspek-aspek pencapaian/kegagalan (c) sebab-sebab pencapaian/kegagalan.
8. Anda adalah salah seorang yang terlantik dalam kumpulan pakar yang akan mencadangkan penyelesaian masalah terhadap pembaziran tenaga, ketidak selesaan pengguna serta sebab-sebab lain yang berpunca dari terlalu banyaknya bangunan-bangunan tinggi di Kuala Lumpur menggunakan kaca sebagai dinding.

Suatu keputusan telah dibuat di peringkat Kabinet Malaysia agar bangunan-bangunan yang menggunakan kaca untuk lebih 50% dari dindingnya digantikan dengan bahan-bahan yang lain atau ditukar/dikurangkan sifat kacanya menjadi sehingga 50% sahaja.

Dengan menggunakan kemahiran berfikir secara logik tetapi kreatif, dan inovatif, sila tuliskan cadangan-cadangan yang anda akan bentangkan di dalam mesyuarat kumpulan pakar berkenaan yang akan bersidang pada minggu hadapan.

Pembentangan anda mesti mengambilkira sekumpulan pakar yang akan hadir di dalam mesyuarat tersebut yang sememangnya terkenal dengan pemakaian ‘topi hitam’ dan ‘topi merah’.